

# 70 pelatih berdepan detik cemas

## Terperangkap beberapa jam dalam hutan selepas banjir kilat di Sematan

Oleh Jeremy Lanson

**SEMATAN:** Seramai 70 pelatih Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berdepan detik cemas apabila terperangkap selama beberapa jam di dalam hutan berikutan banjir kilat di Jalan Perunggang di sini, semalam.

Difahamkan, kesemua pelatih tersebut yang sedang mengikuti latihan asas ketenteraan terdahulu dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan ditempatkan di lokasi yang berlainan.

Bagaimanapun, hujan lebat sepanjang hari tersebut menyebabkan sungai yang digelar Sungai Serayan Besar yang hanya memiliki keluasan sekitar lapan meter pada asalnya bertukar menjadi seakan lautan dengan keluasan dianggarkan mencecah 30 meter.

Perkara tersebut telah menyebabkan dua kumpulan yang terdiri daripada 70 orang pelajar UNIMAS berusia lingkungan 18 hingga 20-an

“Bagaimanapun, seorang jurulatih mereka tercedera akibat disengat kala jengking yang kemudian telah dikejarkan ke hospital dan kini dilaporkan stabil selepas menerima rawatan.”

Sarjan Mohd Johan  
Ketua Balai Lundu

terperangkap sehingga jam 7 pagi semalam.

Menurut Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat Lundu, Bangga Baie, mereka menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian pada jam 12.36 pagi sebelum beliau bersama tiga lagi anggota bomba dan 13 anggota polis bergegas ke tempat kejadian.

“Kami kemudian telah mengikat tali pada pokok di kedua-dua tebing sungai tersebut untuk memudahkan mereka (mangsa) berpaut ketika menyeberangi sungai tersebut.


“Justeru hasil kerjasama daripada pihak polis, kami

berjaya memindahkan kesemua mangsa dari kawasan berbahaya di mana operasi selesai sepenuhnya pada jam 7.55 pagi tadi (semalam),” katanya ketika ditemui pemberita.

Mengulas lanjut, Ketua Balai Lundu, Sarjan Mohd Johan memberitahu seorang daripada jurulatih PALAPES tersebut tercedera dalam kejadian tersebut.

“Faktor jarak serta cuaca menyukarkan pergerakan kami dan selepas berjalan kaki selama kira-kira 2 jam dari persimpangan utama akhirnya kami berjaya tiba di tempat kejadian.

“Bagaimanapun, seorang



**OPERASI BERJAYA:** Johan (kanan) semasa menjelaskan mengenai insiden tersebut kepada Wong di Balai Polis Lundu semalam.

jurulatih mereka tercedera akibat disengat kala jengking yang kemudian telah dikejarkan ke hospital dan kini dilaporkan stabil selepas menerima rawatan,” katanya semasa menjelaskan mengenai insiden tersebut kepada Ketua Polis Daerah Lundu DSP Wong Chee Keong semalam.

Menurutnya lagi, kumpulan pertama yang terdiri daripada 26 orang berjaya diselamatkan dalam tempoh masa 30 minit dan 44 lagi

pelatih berjaya diselamatkan 40 minit kemudian.

Menurut Johan, seramai 130 pelajar UNIMAS iaitu 80 pelajar wanita dan 50 pelajar lelaki mengikuti program latihan tersebut yang dianjurkan bersama dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Berikutan faktor keselamatan, program tersebut yang diadakan sejak 29 Januari lepas dan sepatutnya berakhir 4 Februari ini terpaksa dihentikan semalam.